

## ONSET MORA DALAM DIALEK KELANTAN: ANALISIS TATATINGKAT KEKANGAN

ADI YASRAN ABDUL AZIZ  
ZAHARANI AHMAD

### ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan perilaku fonologi yang dinamakan onset mora (*moraic onsets*). Kewujudan onset mora telah dinafikan dalam teori mora standard yang dipelopori dan dikembangkan oleh ahli-ahli fonologi seperti Hyman (1985), Hayes (1989), Gordon (1999), dan Moren (1999). Mereka berpendapat bahawa onset mora tidak wujud kerana dalam kebanyakan bahasa onset tidak berpotensi untuk mengalami proses prosodik. Bagaimanapun, kajian merentasi sempadan linguistik mutakhir mendapati bahawa terdapat banyak bahasa dan dialek yang membenarkan proses prosodik berlaku pada posisi onset seperti Bella Cola, Samothraki Greek, Trukese, Marshallese, Trique, Bellonese, Piraha, Karo, Arabela, Woleaian, Swiss German, Kabardian, Berber, Patani, Kelantan, dan Terengganu. Kajian ini secara khusus akan meneliti fenomena onset mora dalam dialek Kelantan dengan menggunakan kerangka teori optimaliti yang menggabungkan peringkat fonologi prosodik dan juga segmental. Hasil analisis mendapati bahawa kata prosodik dalam dialek Kelantan bersamaan dengan kaki (*foot*), iaitu dua suku kata di bawah analisis segmental. Kekangan ini menyebabkan input yang mengandungi tiga suku kata akan menggugurkan suku kata pertamanya untuk membentuk output yang bersuku kata dua. Dalam teori mora standard, penguguran segmen menyebabkan pengapungan mora yang kemudiannya dihubungkan dengan vokal yang berdekatan lalu menghasilkan vokal panjang. Walau bagaimanapun analisis ini tidak dapat menjelaskan fenomena onset geminat seperti dalam kata [ssaka] (pusaka) dalam dialek Kelantan. Dalam analisis teori optimaliti, masalah ini ditangani dengan meletakkan kekangan TIADA VOKAL PANJANG (\*VP) lebih tinggi daripada kekangan TIADA GEMINAT (\*GEM) dalam hierarki kekangan. Tatatingkat ini membolehkan calon onset geminat muncul sebagai output optimal. Analisis ini juga secara langsung meyarankan bahawa onset boleh mengandungi mora.

*Kata kunci: Mora, kata prosodik, onset kompleks, geminat, kekangan*

## MORAIC ONSET IN KELANTAN DIALECT: A CONSTRAINT-BASED ANALYSIS

### ABSTRACT

This article aims to account for the phonological phenomenon of the so-called moraic onsets. In the standard theory of moraic phonology as proposed by Hyman (1985), Hayes (1989), Gordon (1999), and Moren (1999), onset segments cannot be associated with moras. This is based on the fact that in many languages, prosodic processes never apply to the onset segments. However, cross-linguistically it is evident that there are many languages and dialects have prosodic processes operate

on the onset segments as in Bella Cola, Samothraki Greek, Trukese, Marshallese, Trique, Bellonese, Piraha, Karo, Arabela, Woleaian, Swiss German, Kabardian, Berber, Patani, Kelantan, and Terengganu. The present study attempts to examine the phonology of moraic onset in the Kelantan dialect by using the framework of optimality theory, and the analysis is employing both the prosodic and segmental phonologies. It is apparent that a prosodic word in the Kelantan dialect is equivalent to a foot comprising two syllables under the segmental analysis. This constraint triggers a deletion of initial syllable of an input with three syllables in order to form a disyllabic output. In the standard moraic theory, segmental deletions will leave a floating mora which is then linked to an immediate vowel producing a vowel lengthening. The analysis, however, fails to account for the occurrence of geminate onset as in the word [ssaka] (pusaka) in the Kelantan dialect. In optimality theoretic analysis, the problem can be solved by ranking the constraint NO LONG VOWEL (\*LV) higher than NO GEMINATE (\*GEM) in the constraint hierarchy. This hierarchical ranking will choose a candidate with germination as an optimal output. The present analysis also suggests that the onset segments can be associated with moras.

*Keywords: Geminate, complex onset, constraint, mora, prosodic word*

## PENDAHULUAN


Kewujudan onset mora (*moraic onsets*) telah dinafikan dalam model fonologi standard yang dipelopori dan dikembangkan oleh ahli-ahli fonologi terkemuka seperti Hyman (1985), Hayes (1989), Gordon (1999), dan Morén (1999). Mereka berpendapat bahawa onset mora tidak wujud kerana dalam kebanyakan bahasa, onset tidak berpotensi untuk mengalami proses prosodik. Bagaimanapun kajian merentasi sempadan linguistik mutakhir mendapati bahawa terdapat banyak bahasa dan dialek yang membenarkan proses prosodik berlaku pada posisi onset seperti Bella Coola, Samothraki Greek, Trukese, Marshallese, Trique, Bellonese, Pirahã, Karo, Arabela, Patani (Topintzi 2006), Woleaian (Kennedy 2003), Swiss German, Kabardian, Berber (Spaelti 2002), Kelantan (Ajid 1985), dan Terengganu. Fenomena ini akan dianalisis dengan menggunakan kerangka teori optimaliti (TO) dengan tumpuan khusus kepada dialek Kelantan (DK). Aspek yang dianalisis menggabungkan kedua-dua peringkat fonologi prosodik dan segmental.

## KONSEP-KONSEP ASAS FONOLOGI PROSODIK

Fonologi prosodik mengkaji kepelbagaian cara sebutan yang melampaui batas segmen (*suprasegmental*), seperti mora (*mora*), tona (*tone*), tekanan (*stress*), dan ritma (*rhythm*). Kajian terhadap fenomena ini, bukan sahaja diatur secara linear, tetapi

disusun secara hierarki ke dalam struktur prosodik, iaitu segmen ke dalam mora, mora ke dalam suku kata, suku kata ke dalam kaki (*foot*) ( $\Sigma$ ), kaki ke dalam kata prosodik (KtPr), dan kata prosodik ke dalam frasa fonologi. Setiap kata prosodik mestilah sekurang-kurangnya mempunyai satu mora, satu kata, dan satu kaki. Misalnya, hierarki prosodik yang dihubungkan dengan kata prosodik minimal [pa] (huruf ke-23 abjad Jawi) dalam analisis fonologi bahasa Melayu (BM) boleh direpresentasikan seperti berikut:

- (1) Hierarki prosodik (diubah suai daripada McCarthy & Prince 1995a)




Representasi di atas menunjukkan bahawa segmen [a] dihubungkan dengan mora dan kemudiannya dihubungkan dengan suku kata ( $\sigma$ ). Segmen [p] dihubungkan terus dengan nodus suku kata, dan suku kata pula dihubungkan dengan kaki dan seterusnya dengan kata prosodik.

Dari segi strukturnya, suku kata ( $\sigma$ ) terbina daripada konstituen onset (O), nukleus (N) dan koda (K). Onset ialah konstituen permulaan suku kata yang mendahului rima (R). Nukleus adalah elemen yang paling nyaring atau sonoros (*sonorous*) dalam suku kata, dan lazimnya elemen ini terdiri daripada vokal. Koda merupakan konsonan yang mengikuti nukleus, dan rima pula ialah konstituen yang ditempatkan selepas onset yang boleh terdiri daripada nukleus sahaja atau gabungan nukleus dan koda. Secara alamiahnya, semua suku kata dalam bahasa di dunia ini mesti mengandungi nukleus tetapi boleh memilih untuk mengandungi sama ada salah satu daripada antara onset atau koda atau kedua-duanya sekali. Lazimnya, nukleus terdiri daripada vokal, manakala onset dan koda terdiri daripada konsonan.

Mora pula ialah konstituen terkecil yang berada di tingkat paling bawah dalam hierarki prosodik. Ia digunakan sebagai alternatif kepada gatra skeletal (*skeletal slot*) yang diisi oleh gatra skeletal KV atau X dalam analisis fonologi segmental.

Penggunaan mora berbeza daripada gatra skeletal KV atau X kerana ia boleh menentukan bebanan suku kata (*syllable weight*) yang ditentukan oleh posisi segmen (*Weight by Position*). Hanya segmen pada posisi nukleus dan koda sahaja yang boleh mempunyai mora, manakala onset tidak mempunyai mora kecuali jika onset tersebut terdiri daripada konsonan panjang (*geminate*) seperti perkataan [ssá.ká] (pusaka) dalam dialek Kelantan yang akan dijelaskan kemudian. Perkataan [pam] dalam BM misalnya, terdiri daripada segmen [p] sebagai onset, [a] sebagai nukleus, [m] sebagai koda dan [am] adalah rima yang setiap satunya mengandungi mora seperti yang direpresentasikan dalam rajah berikut:

(2) Struktur suku kata



**KONSEP-KONSEP ASAS FONOLOGI SEGMENTAL**

Fonologi segmental mengkaji segmen pada tingkat segmen atau melodi yang berada di bawah mora dalam hierarki fonologi. Bagaimanapun penggunaan istilah segmen dalam makalah ini agak berbeza daripada apa yang difahami dalam analisis linear dan struktural. Segmen tidak lagi merujuk hanya kepada unsur atau unit fonem sahaja, tetapi digunakan juga bagi merujuk kepada unit tona, konsonan, vokal, suku kata dan lain-lain (Zaharani 1996). Ini termasuklah konsonan atau vokal terbitan yang tidak termasuk dalam inventori fonem.

Fonem pula ialah satu unit bunyi yang berbeza secara eksplisit dan boleh membezakan makna. Ia terdiri daripada konsonan dan vokal yang terbina secara

dalam dan kehadirannya sukar diramal. Oleh itu, istilah fonem adalah lebih sempit daripada segmen. Semua fonem adalah segmen, tetapi tidak semua segmen adalah fonem. Fonem merealisasikan segmen. Oleh itu, secara kebiasaannya fonem bagi sesuatu bahasa dijelaskan dengan menggunakan carta inventori, manakala segmen terbitan tidak dimasukkan ke dalam carta tersebut atas sifatnya yang mudah diramal hasil perealisasikan fonem. Misalnya, segmen terbitan hentian glotis [ʔ] dalam perkataan [pe.taʔ] (petak) boleh diramal sebagai perealisasikan daripada fonem /k/ berdasarkan perilaku fonologi BM. Kedua-dua konsep asas fonologi prosodik dan segmental ini penting dalam menjelas fenomena fonologi yang berlaku pada posisi onset DK khususnya yang melibatkan pengguguran suku kata awal.

### **PENGGUGURAN SUKU KATA**

Pengguguran suku kata (*syllable deletion*) dalam makalah ini bermaksud pengguguran suku kata daripada input yang mengandungi lebih daripada dua suku kata. Misalnya, input /pəlita/ yang berpola suku kata KVKVKV. Data DK menunjukkan kecenderungan yang kuat untuk mengurangkan suku kata yang lebih daripada dua kepada dua suku kata sahaja. Oleh itu, kata dalam DK boleh dikatakan bersifat disilabik (*disyllabic*). Kecenderungan ini merupakan sifat alamiah bahasa yang juga terdapat dalam bahasa lain seperti bahasa Hebrew (Adam 2002). Terdapat pelbagai strategi yang digunakan bagi mengurangkan suku kata menjadi dua, terutamanya suku kata awal. Antaranya ialah melalui pengguguran vokal schwa dan pengguguran suku kata pada suku kata awal. Pengguguran vokal schwa pada suku kata awal akan mengakibatkan onset kompleks, manakala pengguguran keseluruhan suku kata awal pula akan mengakibatkan konsonan onset menjadi panjang atau geminat (*geminate*).

#### **Pengguguran Vokal Schwa di Suku Kata Awal**

Pengguguran vokal schwa di suku kata awal merupakan satu ciri menarik DK yang tidak terdapat dalam BM dan kebanyakan dialek-dialek Melayu yang lain. Fenomena ini belum pernah dianalisis secara teoritis oleh pengkaji-pengkaji DK sebelum ini. Data (3) menunjukkan bahawa pengguguran schwa dalam suku kata pertama dalam kata tiga suku kata berlaku antara dua konsonan onset yang mempunyai urutan hierarki kenyaringan menaik yang ditentukan oleh hierarki kenyaringan (4). Vokal

adalah bunyi yang paling nyaring, manakala konsonan obstruen merupakan bunyi yang mempunyai kenyaringan yang paling rendah.

(3) Data bagi onsets kompleks (disesuaikan daripada Ajid 1985)

/pəli.ta/ [plí:ta]<sup>1</sup>

/təla.ga/ [tlá:ga]

/bəra.ni/ [byá:ní]

/kəma.rau/ [kmã:ya:]

(4) Hierarki kenyaringan (Roca & Johnson, 1999: 255)


Vokal > Likuida > Nasal > Obstruen

Kecenderungan menjadikan perkataan yang mengandungi lebih daripada tiga suku kata kepada dua suku kata biasanya dikawal oleh kekangan kata minimal dalam keluarga kekangan kebertandaan prosodik, iaitu kata prosodik (KTPR) sama dengan kaki dedua (KD) (*foot binarity*) di bawah analisis suku kata atau ringkasnya  $KTPR=KD-\sigma^2$  (5) (Adam 2002). Ini bermakna, kata prosodik mestilah sama dengan  $KD-\sigma$ , iaitu kaki dedua terdiri daripada kaki yang dihubungkan kepada dua suku kata (di bawah analisis suku kata). Bagaimanapun disebabkan terdapat juga data DK yang menunjukkan suku kata yang melebihi dua suku kata seperti dalam kata terbitan [ba.tʃá.ʔɛ] ‘bacaan’ dan yang kurang daripada dua suku kata seperti perkataan [ba] ‘berhenti’, maka kekangan  $KtPr=KD-\sigma$  ini boleh diingkari, tetapi ia berada pada kekangan yang lebih tinggi.

(5) Kekangan kata minimal


$KTPR=KD-\sigma$  Satu kata prosodik hendaklah mempunyai satu kaki dedua bawah analisis suku kata.

Diagram  $KtPr=KD-\sigma$



Dalam analisis mora, satu nukleus hanya mempunyai satu mora sahaja pada peringkat dalaman. Bagi perkataan /pəli:ta/ yang direalisasikan sebagai [pli:ta] dalam DK, fenomena penguguran vokal schwa yang berlaku boleh direpresentasikan secara rumus autosegmental seperti berikut:

(6) Representasi rumus autosegmental bagi fenomena penguguran vokal schwa



Dalam representasi di atas, mora diletakkan di bahagian bawah segmen bagi menunjukkan bahawa kekangan KtPr=KD-σ (5) adalah di bawah analisis suku kata dan bukannya mora.<sup>3</sup> Bagaimanapun analisis mora perlu dimasukkan bagi menjelaskan mengapa bunyi /i/ menjadi menjadi panjang. Suku kata awal dihubungkan terus dengan KtPr bagi mematuhi kekangan KtPr=KD-σ. Apabila vokal schwa digugurkan, maka ia akan mengapungkan mora, dan suku katanya digugurkan kerana konsonan /p/ yang tinggal tidak boleh menjadi suku kata. Oleh itu, konsonan /p/ yang tinggal itu akan dihubungkan dengan suku kata bersebelahan, manakala mora yang terapung dipetakan kepada vokal yang berhampiran kerana hanya vokal sahaja yang boleh dihubungkan dengan mora. Oleh itu, dalam fenomena di atas, mora tersebut akan diisi oleh segmen /i/ yang menyebabkannya menjadi panjang, dan menghasilkan bentuk fonetik [pli:ta] (6b). Oleh itu, analisis autosegmental ini sedikit sebanyak dapat menunjukkan bagaimana output terhasil. Bagaimanapun, ia tidak dapat menjelaskan mengapa mora tidak boleh dihubungkan dengan konsonan onset,

mengapa konsonan suku kata awal tidak digugurkan, dan lain-lain kemungkinan yang boleh berlaku. Kelemahan dalam analisis autosegmental ini boleh diperbaiki dengan menggunakan analisis yang berdasarkan tatatingkat kekangan daripada TO.<sup>4</sup>

Dalam TO,<sup>5</sup> pengguguran vokal schwa pada suku kata awal mengingkari kekangan MAKS(Vok) (7). Bagaimanapun, pengguguran segmen nukleus akan mengapungkan mora. Jika mora tersebut digugurkan, ia akan mengingkari kekangan MAKS- $\mu$  (8). Jika mora tersebut dihubungkan dengan onset, maka ia akan mengingkari kekangan \*KK: (9) yang tidak boleh diingkari dalam DK. Jika mora tersebut dihubungkan dengan nukleus berhampiran, ia akan menyebabkan kepanjangan vokal berlaku, dan fenomena ini mengingkari kekangan \*VP (10).

Oleh sebab fenomena pengguguran vokal schwa di suku kata awal ini menyebabkan berlakunya onset kompleks, maka kekangan yang paling sesuai bagi mengawal fenomena ini ialah \*ONSETKOMPLEKS (\*ONSKOMP) (11). Fenomena onset kompleks ini hanya akan berlaku apabila urutan konsonan onset bersebelahan menunjukkan kenyaringan (sonoriti) menaik seperti [pl], [tl], [by] (Obstruen-likuida) atau [km] (obstruen-nasal) dalam data (3) yang dikawal oleh PRINSIP URUTAN KENYARINGAN (*SONORITY SEQUENCE PRINCIPLE*) atau UR-SON (12) (Clements 1990). Manakala dalam urutan kenyaringan yang sama atau menurun seperti dalam data (17), konsonan awal dalam urutan konsonan onset tersebut akan digugurkan. Pengguguran konsonan akan mengingkari MAKS(Kons) (13), manakala konsonan kedua dalam urutan konsonan onset tersebut akan direalisasikan sebagai geminat yang dikawal oleh kekangan \*GEMINAT (\*GEM) (14) (Oostendorp 1995, Ito dan Mester 1998). Dalam DK, kekangan UR-SON tidak boleh diingkari, manakala \*ONSETKOMPLEKS mendominasi \*GEM yang berada pada hierarki kekangan yang lebih rendah.

(7) MAKS(Vok)

Setiap vokal dalam input mestilah mempunyai koresponden dalam output (pengguguran vokal tidak dibenarkan)

(8) MAKS- $\mu$

Setiap mora dalam input mestilah mempunyai koresponden dalam output (pengguguran mora tidak dibenarkan)

(9) \*KK:

Tiada onset kompleks yang diikuti oleh geminat<sup>6</sup>



- (10) \*VP  
Tiada vokal panjang
- (11) \*ONSETKOMPLEKS  
Tidak lebih daripada satu K dihubungkan dengan sesuatu onset suku kata
- (12) UR-SON  
Onset kompleks bertambah dalam sonoriti, dan koda kompleks berkurang dalam sonoriti.
- (13) MAKS(Kons)  
Setiap konsonan dalam input mestilah mempunyai koresponden dalam output (pengguguran konsonan tidak dibenarkan)
- (14) \*GEM  
Tiada konsonan panjang

Berdasarkan penjelasan di atas, hierarki kekangan bagi fenomena onset kompleks dalam DK ialah seperti dalam (15) dan bagaimana kekangan-kekangan ini berinteraksi boleh direpresentasikan dalam bentuk tablo kekangan seperti dalam (16).

- (15) \*KK:, UR-SON >> KtPr=KD-σ >> MAKS-μ >> MAKS(Kons) >> \*VP >> \*MAKS(Vok) >> \*ONSETKOMPLEKS (\*ONSKOMP) >> \*GEM

(16) Tablo kekangan bagi fenomena onset kompleks dalam DK

Input: /pəli.ta/	*KK:	UR-SON	KtPr=KD-σ	MAKS-μ	MAKS(Kons)	*VP	*MAKS(Vok)	*ONSKOMP	*GEM
a. pə(lí.ta)			*!						
b. (lí.ta)				*!	*		*		
c. (plí.ta)				*!			*	*	
d. (lí.ta)					*!		*		*
e. (pllí.ta)	*!						*	*	*
f. (lpí.ta)		*!					*	*	
g. <sup>ɸ</sup> (plí:ta)						*	*	*	

Tanda kurungan (...) bagi setiap calon di atas menunjukkan kaki bagi kata tersebut. Calon a menunjukkan bahawa bentuk yang mempunyai lebih daripada dua suku kata akan mengingkari kekangan tinggi KtPr=KD-σ dan akan tersingkir. Calon b mematuhi KtPr tetapi mengingkari kesemua kekangan daripada keluarga kekangan

kesetiaan MAKS. Calon d dan e masing-masing menghasilkan geminat, tetapi calon e tidak menggugurkan konsonannya, justeru terhasillah urutan konsonan KK: yang tidak dibenarkan dalam DK. Calon c, f dan g pula masing-masing memiliki onset kompleks yang mengingkari \*ONSKOMP, tetapi calon c dan f terkeluar lebih awal daripada pertandingan kerana telah mengingkari kekangan tinggi MAKS- $\mu$  dan UR-SON yang tidak membenarkan pengguguran mora dan kewujudan onset kompleks dalam urutan kenyaringan menurun. Calon yang mengingkari kekangan yang rendah ialah calon g yang ditandai dengan pemanjangan vokal /i/. Pemanjangan vokal ini mengingkari kekangan \*VP. Ia berlaku apabila segmen vokal /i/ tersebut dihubungkan dengan mora yang ditinggalkan akibat pengguguran vokal schwa dalam suku kata awal di peringkat dalaman. Melalui interaksi antara kekangan tersebut, calon g telah muncul sebagai output optimal kerana ia mengingkari kekangan \*VP pada hierarki kekangan yang rendah.

### **Pengguguran Suku Kata Awal**

Pengguguran suku kata awal berlaku apabila konsonan onset dalam suku kata pertama lebih atau sama nyaring dengan konsonan onset dalam suku kata kedua dalam input kata akar tiga suku kata DK. Pengguguran suku kata awal ini berbeza dengan pengguguran schwa kerana ia mengakibatkan kepanjangan konsonan onset suku kata yang berikutnya, bukannya vokal seperti dalam pengguguran schwa. Berikut adalah data yang menunjukkan fenomena tersebut.


(17) Data bagi fenomena geminat pada suku kata awal

/pusaka/	[ssá.kɑ]
/patəyi/	[ttó.yi]
/bidaya/	[ddá.yɑ]
/kəpala/	[ppá.la]
/lənkuas/ <sup>7</sup>	[kkú.wah]
/məntəyi/	[ttó.yi]

Dalam analisis mora, biasanya onset awal kata tidak dihubungkan dengan mora. Ini kerana pemanjangan onset awal kata jarang berlaku. Bagaimanapun terdapat beberapa bahasa dan dialek di dunia yang membenarkan pemanjangan onset berlaku

di awal kata seperti bahasa Woleaian, sub-keluarga bahasa Chuukic-Pohnpeic (Kennedy 2003), Swiss German, Kabardian, dan Berber (Spaelti 1994) dan DK (Ajid 1985). Pemanjangan onset awal kata yang berlaku dalam bahasa Woleaian dan Swiss German melibatkan kata terbitan. Misalnya, /fili/ ‘pilih’ (*choose it*) dalam bahasa Woleaian, apabila diterbitkan menjadi kata denotatif<sup>8</sup> akan direalisasikan sebagai [ffili] ‘memilih’ (*to choose*) (Kennedy 2003). Fenomena ini boleh direpresentasikan secara prosodik seperti yang berikut:

(18) Representasi prosodik bagi onset geminat di awal kata (Kennedy 2003)




Dalam representasi di atas, lambang ( $\Sigma$ ) adalah kaki, manakala (+) menunjukkan sempadan morfem. Mora diletakkan di atas tingkat segmen dan suku kata di bawahnya kerana analisis kata deduanya adalah berdasarkan analisis mora, bukan berdasarkan suku kata seperti dalam makalah ini. Menurut analisis mora, satu kaki mengandungi dua mora seperti yang ditunjukkan dalam representasi di atas. Menurut Kennedy (2003) segmen [f] mendapat mora walaupun berada di posisi onset kerana dipengaruhi oleh perlakuan morfologi, iaitu daripada kata akar /fili/ + denotatif yang direalisasikan sebagai [ffi.li]. Bagaimanapun fenomena onset kompleks di awal kata DK adalah lebih luas, iaitu meliputi kata yang mengandungi tiga suku kata atau lebih di peringkat dalaman dan kata terbitan berimbuhan awalan.


Dalam DK penguguran suku kata bagi kata yang mengandungi lebih daripada dua suku kata di peringkat dalaman berlaku kerana mematuhi kekangan  $KtPr=KD-\sigma$  (5). Hal ini berbeza dengan penguguran schwa kerana penguguran suku kata menghasilkan onset geminat yang mengingkari kekangan \*GEM (14) yang lebih rendah daripada \*VP (10). Oleh itu, mora yang terapung akibat penguguran vokal

schwa akan diisi oleh onset konsonan yang mengikutinya menyebabkannya menjadi panjang. Jika mora tersebut diisi oleh vokal nukleus bersebelahan seperti dalam [plɪ:ta], maka calon yang menunjukkan fenomena tersebut akan tewas kerana mengingkari kekangan \*VP yang lebih tinggi daripada \*GEM. Fenomena ini boleh direpresentasikan secara autosegmental seperti yang berikut:

(19) Representasi rumus autosegmental bagi fenomena pengguguran suku kata awal yang berstruktur KV



(20) Representasi rumus autosegmental bagi fenomena pengguguran suku kata awal yang berstruktur KVK



Representasi autsegmental (19a) dan (20a) di atas adalah sama dengan (6a) kerana ia adalah representasi bentuk dalaman. Bagaimanapun representasi (19b) dan (20b) berbeza dengan (6b) kerana ia menunjukkan bahawa mora yang terapung (paling kiri) dihubungkan dengan konsonan onsets suku kata berikutnya bagi mematuhi MAKS- $\mu$  (8) dan \*VP yang lebih dominan daripada \*GEM.

Bagi menjelaskan beberapa kemungkinan output optimal, TO akan menjanakan beberapa calon output yang berpotensi yang akan dinilai oleh seperangkat kekangan yang sama dengan tablo (16) kecuali kekangan LINEARITI (LIN) (21) yang menghalang metatesis daripada berlaku. Ini kerana salah satu calon munasabah yang turut dijanakan ialah calon yang menunjukkan metatesis berlaku bagi mematuhi kekangan UR-SON (12) yang tidak boleh diingkari dalam DK. Bagaimanapun kekangan ini juga tidak boleh diingkari kerana tidak ada data yang menunjukkan metatesis berlaku dalam DK. Fenomena ini direpresentasikan hierarki kekangan (22) dan tablo kekangan (23).

(21) LINEARITI

Output membayangkan urutan struktur dalam input dan begitu juga sebaliknya (tiada peleburan struktur berurutan dan metatesis).

(22) \*KK:, UR-SON, LIN >> KTPR=KD- $\sigma$  >> MAKS- $\mu$  >> MAKS(Kons) >> \*VP >> \*MAKS(Vok) >> \*ONSETKOMPLEKS (\*ONSKOMP) >> \*GEM

(23) Tablo kekangan yang menunjukkan pengguguran suku kata awal kata tiga suku kata.

Input: /pusaka/	*KK:	UR-SON	LIN	KTPR= KD- $\sigma$	MAKS- $\mu$	MAKS (Kons)	*VP	MAKS (Vok)	*ONS KOMP	*GEM
a. pu(sá.ka)				*!						
b. (sá.ka)					*!	*		*		
c. (psá.ka)		*!			*			*	*	
d. (spá.ka)			*!		*			*	*	
e. <sup>h</sup> (ssá.ka)						*		*		*
f. (pssá.ka)	*!							*	*	*
g. (sá.ka)						*	*!	*		

Tablo kekangan di atas menunjukkan bahawa calon-calon yang dijanakan dan kekangan-kekangan yang menilai calon tersebut sama dengan tablo (16) kecuali LIN yang diletakkan pada hierarki kekangan yang paling tinggi kerana ia tidak boleh

diingkari dalam DK. Kekangan ini diingkari oleh calon d yang menunjukkan fenomena onset kompleks. Huraian lanjut bagi calon-calon yang lain adalah sama dengan huraian dalam tablo (16) kecuali calon e dan g. Kedua-dua calon ini mematuhi Maks- $\mu$  (8) yang tidak membenarkan pengapungan dan pengguguran mora, tetapi cara pematuhannya adalah berbeza. Calon e menunjukkan bahawa mora dihubungkan dengan segmen konsonan onset /s/ yang merealisasikan bentuk geminat [ss], manakala calon g menunjukkan bahawa mora dihubungkan dengan vokal nukleus /a/ yang merealisasikan sebagai vokal panjang [a:]. Dalam hal ini, calon e berjaya menewaskan calon g kerana \*VP (10) lebih dominan daripada \*GEM (14). Hasil interaksi antara kekangan-kekangan ini, maka calon e yang menunjukkan onset geminat telah muncul sebagai output optimal kerana mengingkari kekangan yang paling rendah.

### KESIMPULAN

Hasil analisis mendapati bahawa satu kata prosodik dalam dialek Kelantan sama dengan kaki (*foot*), iaitu dua suku kata di bawah analisis segmental. Ini menyebabkan input yang mengandungi tiga suku kata atau lebih akan direalisasikan sebagai dua suku kata. Perealisasikan ini menimbulkan fenomena fonologi onset geminat dan onset kompleks yang membuktikan kewujudan onset mora melalui kehadiran kekangan MAKS- $\mu$  dalam nahu DK. Dengan mengambil kira hierarki kekangan yang lebih tinggi, pendominasian kekangan MAKS- $\mu$  ke atas kekangan MAKS(Kons) (13) yang mendominasi kekangan \*VP, membolehkan calon onset kompleks seperti [plí:ta] (pelita) dan onset geminat seperti [ssá:ka] (pusaka) muncul sebagai output optimal. Ini bermakna, dengan mengiktiraf kewujudan onset mora dalam teori fonologi, kedua-dua fenomena tersebut dapat dijelaskan secara lebih berpada.

### Rujukan

- Adam, G. 2002. From variable to optimal grammar: evidence from language acquisition and language change. Disertasi Dr. Fal. Tel-Aviv University. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=567> (4 Januari 2003).
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Clements, G. Nick. 1990. The role of sonority in core syllabification. Dlm. Kingston, J. & Beckman, M. (Pnyt.). *Papers in Laboratory Phonology 1*. Cambridge, Mass.: Cambridge University Press. Hlm. 283-333.

- Gordon, M. 1999 *Syllable Weight: Phonetics, Phonology and Typology*. Disertasi Dr. Fal. UCLA. Versi terbitan 2006. London: Routledge.
- Hayes, Bruce. 1989. Compensatory lengthening in moraic phonology. *Linguistic Inquiry*. **20**: 253-306.
- Hewitt, M. 1994. Deconstructing foot binarity in Koniag Alutiiq. Ms., University of British Columbia, Vancouver. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=12>. (5 November 2003).
- Howe, D. 2003. Segmental phonology. University of Calgary, Kanada. (Atas talian). <http://www.fp.ucalgary.ca/howed/phonology.pdf>. (27 Julai 2003).
- Hyman, Larry M. 1985. *A Theory of Phonological Weight*. Dordrecht: Foris.
- Ito, J. & Mester R.A. 1998. Markedness and word structure: OCP effects in Japanese. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=255>. (7 Februari 2003).
- Kennedy, R. 2003. Confluence in phonology: evidence from Micronesian reduplication. Disertasi Dr. Fal. University of Arizona. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=606>. (4 November 2003).
- McCarthy, J.J & Prince, A.M. 1993a. Generalized alignment. Dlm. Booij, G. & Marle, J. (Pnyt.). *Yearbook of Morphology 1993*. Hlm. 79-153. Dordrecht: Kluwer. Technical report #7, Rutgers University Center for Cognitive Science, 1993. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=7>. (31 Mei 2003).
- McCarthy, J.J. & Prince, A.M. 1993b. *Prosodic morphology I: Constraint interaction and satisfaction*. Massachusetts: MIT Press. Technical report #3, Rutgers University Center for Cognitive Science.
- McCarthy, J.J. & Prince, A.M. 1994. The emergence of the unmarked: Optimality in prosodic morphology. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=13>. (5 November 2003).
- McCarthy, J.J. & Prince, A.M. 1995a. Prosodic morphology. Dlm. Goldsmith J. A. (Pnyt.). *The handbook of phonological theory*. Hlm. 318-366. Massachusetts: Blackwell Publisher.
- McCarthy, J.J. & Prince, A.M. 1995b. Faithfulness and reduplicative identity. Dlm. Beckman, J.N., Dickey, L.W. & Urbanczyk, S. (Pnyt.). *University of Massachusetts occasional papers in linguistics 18: Papers in Optimality theory*. Amherst, MA: Graduate Linguistic Student Association.
- McCarthy, J.J. 2001. Optimal paradigms. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=485>. (8 Februari 2003).
- Moren, B. 1999. Distinctiveness, coercion and sonority: A unified theory of weight. Disertasi Dr. Fal. University of Maryland, College Park. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=346>. (5 November 2003).
- Oostendorp, M.v. 1995. Vowel quality and syllable projection. Tesis Ph.D. Tilburg University. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=84>. (5 November 2003).
- Prince, A.M. & Smolensky, P. 1993/2002. *Optimality theory: Constraint interaction in Generative grammar*. New Brunswick, NJ. Rutgers University Center for Cognitive Science. Technical report RuCCS-TR-2.
- Roca, I. & Johnson, W. 1999. *A course in phonology*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Spaelti, P. 1994. Weak edges and final geminates in Swiss German. Ms., University of California, Santa Cruz. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=18>. (9 April 2003).
- Topintzi, N. 2006. Moraic onsets Disertasi Dr. Fal. University of London. (Atas talian). <http://roa.rutgers.edu/view.php3?id=1190>. (4 Mac 2007).
- Zaharani Ahmad. 1996. Teori Optimaliti dan analisis deretan vokal bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. **40**(6): 512-527.

---

<sup>1</sup> Faktor tekanan ( ´ ) tidak signifikan dalam analisis ini, tetapi dimasukkan dalam data kerana ia sebahagian daripada analisis prosodik yang relevan dengan perilaku fonologi yang lain.

<sup>2</sup> Penambahan lambang suku kata ( $\sigma$ ) juga digunakan oleh Hewitt (1994) bagi menunjukkan bahawa kaki kedua tersebut adalah di bawah analisis suku kata (bukannya mora).

<sup>3</sup> Kaki kedua (KD) boleh juga diinterpretasikan sebagai kata yang dihubungkan dengan dua mora di bawah analisis mora.

<sup>4</sup> Tumpuan analisis adalah pada fenomena pengguguran vokal suku kata awal yang menghasilkan onset kompleks dan fenomena yang berkaitan dengannya sahaja. Perubahan yang berlaku pada vokal /a/ di akhir kata tidak dijelaskan dalam analisis ini.

<sup>5</sup> Untuk keterangan lanjut tentang TO, sila lihat Prince & Smolensky (1993), McCarthy & Prince (1993a;1993b), dan McCarthy & Prince (1994; 1995b).

<sup>6</sup> Kekangan kebertandaan ini bersifat khusus bahasa memandangkan ia jarang berlaku. Tetapi bentuk kekangan seperti ini banyak digunakan seperti \*CCC yang tidak membenarkan tiga urutan konsonan berlainan (McCarthy 2001), dan V:C: yang tidak membenarkan urutan vokal panjang dan geminat (Prince & Smolensky 1993/2002).

<sup>7</sup> Dalam DK dan BM, suku kata yang mengandungi vokal schwa adalah suku kata ringan (tanpa tekanan). Oleh itu, koda yang mengikuti vokal schwa tidak dihubungkan dengan mora.

<sup>8</sup> Denotatif (Harrison 1973 dalam Kennedy 2003) ialah istilah yang merujuk kepada kata kerja tak transitif tertentu atau kata kerja neutral (Sohn 1976 dalam Kennedy 2003).

Adi Yasran Abdul Aziz  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Zaharani Ahmad  
Program Linguistik  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Emel: zaharani@ukm.my*